


Program Kesihatan Pergigian
Kementerian Kesihatan Malaysia

DASAR KESIHATAN PERGIGIAN KEBANGSAAN





Program Kesihatan Pergigian
Kementerian Kesihatan Malaysia

DASAR KESIHATAN PERGIGIAN KEBANGSAAN



DASAR KESIHATAN PERGIGIAN KEBANGSAAN

ISBN 978-967-19520-8-5

eISBN 978-967-19520-9-2

MOH/K/GIG/8-2022(BK)

Diterbitkan oleh:

**Program Kesihatan Pergigian
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 5, Blok E10, Kompleks E, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Wilayah Persekutuan Putrajaya
MALAYSIA**

Tel : 03-8883 4215 I Fax: 03-8888 6133

<https://ohd.moh.gov.my/>

© Program Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa izin daripada Kementerian Kesihatan Malaysia. Permohonan kebenaran tersebut hendaklah dialamatkan kepada Pengarah Program Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia.

ISBN 978-967-19520-8-5



9 7 8 9 6 7 1 9 5 2 0 8 5

eISBN 978-967-19520-9-2



9 7 8 9 6 7 1 9 5 2 0 9 2



Dasar Kesihatan Pergigian
Kebangsaan yang akan
menyatukan semua pemegang
taruh dan menyelaraskan
strategi bagi menyampaikan
perkhidmatan kesihatan
pergigian yang lebih baik,
memperkasa dan seterusnya
meningkatkan kesihatan serta
kualiti hidup rakyat Malaysia



ISI KANDUNGAN

DASAR KESIHATAN PERGIGIAN KEBANGSAAN

Penghargaan	i
Perutusan Menteri Kesihatan Malaysia	ii
Perutusan Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia	iii
Kata – Kata Aluan Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia	iv
Pra Kata Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian)	v

RINGKASAN EKSEKUTIF	1
LATAR BELAKANG KEPENTINGAN KESIHATAN MULUT	1
KENYATAAN DASAR KESIHATAN PERGIGIAN KEBANGSAAN	3

PRINSIP UTAMA

Prinsip 1: Mempromosikan Liputan Perlindungan Kesihatan Sejagat (<i>Universal Health Coverage</i>)	5
Prinsip 2: Mengintegrasikan Kesihatan Pergigian dengan Kesihatan Umum	5
Prinsip 3: Mempertingkatkan Keselamatan dan Kualiti Kesihatan Pergigian	6

ISU STRATEGIK PENJAGAAN KESIHATAN PERGIGIAN DI MALAYSIA

Beban Penyakit Pergigian yang Masih Tinggi	7
Penggunaan dan Kebolehcapaian Perkhidmatan Kesihatan Pergigian yang Perlu Dipertingkatkan	9
Beban Kewangan Penjagaan Kesihatan Pergigian	10
Agihan dan Kemahiran Sumber Manusia yang Perlu Dipertingkatkan	11
Jurang dalam Pelaburan Teknologi Pergigian	12

PELAKSANAAN

Pelan Strategik Kesihatan Pergigian Kebangsaan	15
Pemantauan dan Penilaian	17

RUJUKAN	18
---------	----



PENGHARGAAN

Program Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua yang telah memberikan sokongan dan sumbangan secara langsung atau tidak langsung dalam penerbitan Dasar Kesihatan Pergigian Kebangsaan.

JAWATANKUASA PENERBITAN

PENASIHAT:

Dr. Noormi binti Othman
Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Dr. Chia Jit Chie
Pengarah Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik Kesihatan Pergigian
Kementerian Kesihatan Malaysia

Jawatankuasa Teknikal:

Dr. Khor Swee Kheng
Dr. Natifah binti Che Salleh
Dr. Salleh bin Zakaria
Dr. Khairulzaman bin Adnan
Prof. Madya Dr. Tuti Ningseh binti Mohd Dom
Brig. Jen. Dato' (Dr.) Mohd Rosli bin Majid
Dr. Neoh Ein Yau
Dr. Azilina binti Abu Bakar
Dr. Habibah binti Yacob @ Ya'akub
Dr. Mustaffa bin Jaapar
Dr. Azliza binti Dato' Zabha

Jawatankuasa Editorial:

Dr. Nurul Salwa binti Che Abdul Rahim
Dr. Siti Nadirah binti Mohd Said

PERUTUSAN MENTERI KESIHATAN

Sejak kemerdekaan Malaysia pada tahun 1957, perkhidmatan penjagaan kesihatan pergigian telah mengalami evolusi daripada memberi fokus kepada kuratif dan rehabilitasi kepada penumpuan terhadap pencegahan dan kesihatan. Kementerian Kesihatan Malaysia merupakan peneraju utama dalam penyampaian kesihatan pergigian dengan memastikan penyampaian perkhidmatan yang selamat dan berkualiti. Perkhidmatan yang komprehensif ini meliputi pelan kesihatan sepanjang hayat yang memberikan fokus terhadap kesihatan anak dan keluarga. Kesannya, status kesihatan pergigian rakyat telah bertambah baik secara signifikan sejak era sebelum Merdeka.

Namun, di sebalik kejayaan ini, masih terdapat 'poket' dalam masyarakat Malaysia yang terkesan dengan status kesihatan pergigian yang rendah terutamanya dalam kalangan kumpulan rentan dan warga emas. Sistem penjagaan kesihatan Malaysia kini turut mengalami isu seperti kemampuhan pembiayaan, kesaksamaan dan kebolehcapaian perkhidmatan. Selain itu, kadar peningkatan populasi warga emas dengan isu kesihatan lebih kompleks yang perlu ditangani, turut akan memberi kesan kepada sistem kesihatan negara. Oleh yang demikian penghasilan Dasar Kesihatan Pergigian Kebangsaan amat bertepatan dalam merangka penyampaian perkhidmatan kesihatan pergigian yang lebih baik dengan penekanan kepada penglibatan dan komitmen dari agensi awam dan swasta serta badan bukan kerajaan. Pengalaman menangani pandemik COVID-19 sejak dua (2) tahun lalu telah cukup membuktikan bahawa penjagaan kesihatan adalah tanggungjawab semua pihak dan tidak seharusnya bergantung kepada usaha Kementerian Kesihatan sahaja. Kita juga perlu bekerja secara lebih efektif dengan masyarakat dan agen dalam komuniti untuk bersama-sama meningkatkan tahap literasi kesihatan dan menangani penentu sosial dan komersial kesihatan. Saya amat yakin Dasar Kesihatan Pergigian Kebangsaan ini dapat dijadikan panduan kepada semua pihak yang berkepentingan dalam kesihatan bekerjasama bagi memastikan penyampaian perkhidmatan dan seterusnya meningkatkan kualiti kehidupan rakyat yang lebih baik.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Program Kesihatan Pergigian, KKM dan semua individu, agensi, organisasi, dan Kementerian yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam merangka dasar ini. Adalah menjadi harapan saya agar dasar ini diterjemahkan kepada pelaksanaan inisiatif dan aktiviti yang hebat serta mewujudkan platform di mana pihak berkepentingan boleh bekerjasama secara aktif untuk memastikan status kesihatan pergigian rakyat Malaysia sihat dan terpelihara.



KHAIRY JAMALUDDIN ABU BAKAR

Menteri Kesihatan Malaysia



PERUTUSAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Sepanjang lima (5) dekad yang lepas, Kementerian Kesihatan telah menggalas peranan untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik bagi meningkatkan tahap kesihatan rakyat. Rakyat Malaysia telah berjaya mencapai kesihatan yang baik melalui sistem penjagaan kesihatan negara yang berkos rendah namun mantap melalui penyampaian perkhidmatan kesihatan yang universal dan komprehensif.

Secara umumnya status kesihatan mulut populasi Malaysia menunjukkan tren yang semakin baik namun pada kadar yang agak perlahan. Walau bagaimanapun populasi kanak-kanak dan warga emas masih mempunyai status kesihatan mulut yang masih rendah dengan tujuh (7) daripada sepuluh (10) orang kanak-kanak umur 5 tahun mempunyai karies gigi dan hanya dua (2) daripada sepuluh (10) dalam kalangan warga emas mempunyai minimum 20 batang gigi bagi membolehkan mereka untuk mengunyah makanan dengan baik. Oleh yang demikian, penghasilan Dasar Kesihatan Pergigian Kebangsaan pada tahun 2022 ini adalah bertepatan untuk bertindak sebagai dasar rujukan bagi semua pemegang taruh yang berkaitan untuk menambahbaik strategi-strategi sedia ada bagi memastikan perancangan dan pelaksanaan yang komprehensif yang dapat meningkatkan tahap kesihatan mulut serta kualiti kehidupan rakyat.

Dasar ini juga menekankan kepentingan perkongsian dan kolaborasi aktif di antara agensi (intra dan inter), awam, swasta dan organisasi bukan kerajaan (NGO) sebagaimana pepatah “Berat Sama Dipikul, Ringan Sama Dijinjing”. Semua pihak perlu berkerjasama bagi memastikan kemampunan penjagaan kesihatan negara. Selain itu, dasar ini turut menitikberatkan kepentingan pemeraksanaan masyarakat agar literasi kesihatan pergigian dalam kalangan rakyat juga dapat dipertingkatkan. Rakyat perlu sedar bahawa tanggungjawab penjagaan kesihatan mulut adalah tanggungjawab mereka sendiri.

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada usaha bersama individu, agensi dan persatuan dalam membangunkan serta menghasilkan Dasar Kesihatan Pergigian Kebangsaan buat julung-julung kalinya. Besarlah harap saya agar magnitud usaha yang sama turut diterjemahkan dalam pelaksanaan dasar yang akhirnya akan memberi manfaat yang besar kepada rakyat.



YBHG. DATUK HARJEET SINGH

Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia



KATA – KATA ALUAN KETUA PENGARAH KESIHATAN

Penggubalan Dasar Kesihatan Pergigian Kebangsaan yang pertama ini adalah bertujuan untuk meningkatkan status kesihatan mulut dan sekali gus kualiti kehidupan melalui kolaborasi dan kerjasama semua pihak yang berkepentingan di sektor awam dan swasta dalam mempromosikan kesihatan mulut. Dasar ini digubal mengambil kira keputusan semasa Mesyuarat Lembaga Eksekutif Ke-150 Pertubuhan Kesihatan Sedunia pada Januari 2022 dan Perhimpunan Kesihatan Sedunia ke-75 pada 27 Mei 2022.

Perjumpaan ini telah mendesak semua negara untuk membangunkan pelan tindakan global bagi menangani penyakit pergigian melalui rangka kerja yang dilengkapi dengan kaedah pemantauan pencapaian dengan sasaran yang jelas. Keutamaan strategi global dalam kesihatan mulut adalah untuk memastikan penyampaian perkhidmatan kesihatan pergigian yang memfokuskan liputan sejagat (*Universal Health Coverage*) pada 2030, integrasi kesihatan pergigian dalam penjagaan kesihatan primer dan mengoptimalkan teknologi digital dalam memperkukuhkan penyampaian perkhidmatan.

Dasar ini juga menggariskan strategi-strategi dan pendekatan penjagaan kesihatan pergigian sebagai rujukan untuk 10 tahun akan datang. Strategi dan pendekatan ini memerlukan usaha agresif bersama daripada semua pihak yang berkepentingan dalam menangani isu-isu strategik dalam penjagaan kesihatan pergigian negara. Saya yakin Dasar Kesihatan Pergigian Kebangsaan ini mampu memanfaatkan “Pendekatan Seluruh Kerajaan, Seluruh Masyarakat” ke arah negara dengan status kesihatan mulut dan kualiti hidup yang lebih baik selaras dengan visi Kementerian Kesihatan Malaysia “Negara Menggembleng Tenaga ke Arah Kesihatan yang Lebih Baik”.

Sekalung penghargaan kepada Program Kesihatan Pergigian, KKM atas usaha serta langkah proaktif untuk membangunkan dasar ini. Ucapan tahniah kepada semua pihak yang terlibat atas komitmen bersama menjayakan penghasilan dokumen ini.



**YBHG. TAN SRI DATO' SERI
DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia



PRA KATA PENGARAH KANAN (KESIHATAN PERGIGIAN)

Sejak September 2019, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) melalui deklarasi Artikel 19, telah mengenalpasti penyakit pergigian merupakan salah satu beban utama kesihatan bagi kebanyakan negara, sama seperti penyakit buah pinggang dan mata. Penyakit-penyakit ini juga dirumuskan dapat ditangani menggunakan respon yang sama dalam menangani penyakit berjangkit (NCD) kerana penyakit-penyakit ini berkongsi faktor risiko yang sama. Perkembangan terkini menunjukkan terdapat usaha di peringkat antarabangsa untuk memastikan dasar kesihatan pergigian dibangunkan bersama dasar kesihatan ke arah status kesihatan yang lebih baik. Resolusi Kesihatan Pergigian telah digunapakai oleh Negara Anggota semasa Persidangan Kebangsaan Dunia (WHA) pada tahun 2021, diikuti dengan Strategi Global Kesihatan Pergigian, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada tahun 2022 dengan menggariskan secara terperinci peranan negara anggota dalam menangani penyakit pergigian secara global.

Oleh yang demikian penghasilan Dasar Kesihatan Pergigian Kebangsaan ini adalah bertepatan dan selari dengan usaha di peringkat global. Dasar ini menggalakkan pendekatan kesihatan awam yang sesuai untuk menangani pelbagai isu-isu strategik yang memerlukan kepimpinan yang teguh untuk mengemudikan kerjasama dengan pelbagai pemegang taruh di peringkat kebangsaan, negeri, daerah dan tempatan. Ini termasuklah mempergiatkan usaha di peringkat atasan, merapatkan jurang pengasingan dalam pengendalian penentuan sosial dan komersial kesihatan dan faktor risiko kesihatan mulut sepanjang hayat bermula dari usia awal kanak-kanak sehingga usia emas. Integrasi kesihatan mulut dengan kesihatan umum juga amat penting dalam memberi lebih banyak ruang dan peluang untuk menangani penyakit pergigian sebagai sebahagian dari NCD. Ini meliputi inisiatif berbentuk pencegahan, pengesanan awal dan kawalan komorbiditi ke arah kesamarataan akses kepada penjagaan kesihatan yang berkualiti dan menyeluruh agar mencapai matlamat *Universal Health Coverage*.

Dasar ini telah dihasilkan dengan teliti dan secara integrasi dengan strategi di peringkat global, selari dengan dasar dan pendekatan kebangsaan, menggambarkan pragmatik dan wawasan Malaysia. Harapan saya agar kolaborasi strategik dan perkongsian dengan pelbagai pemegang taruh dalam kalangan Kementerian Kesihatan Malaysia, sosial, ekonomi, pendidikan, persekitaran dan sektor-sektor berkaitan akan terus memperkukuhkan, membentuk dan melindungi kesihatan mulut dan memastikan kesejahteraan rakyat.

Sekalung tahniah kepada semua yang telah bertungkus-lumus bersama-sama menghasilkan dasar ini bermula daripada perancangan konsep, analisa situasi, sesi perbincangan jawatankuasa teknikal, penghasilan draf awal, penambahbaikan berdasarkan maklum balas - maklum balas semasa pembentangan yang membantu ke arah penghasilan dokumen ini.

“**Kesihatan mulut adalah penunjuk utama kesihatan umum, kesejahteraan dan kualiti kehidupan**”

(Pertubuhan Kesihatan Sedunia, 2022)



YBRS. DR. NOORMI BINTI OTHMAN

Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian)
Kementerian Kesihatan Malaysia





RINGKASAN EKSEKUTIF

Dasar Kesihatan Pergigian Kebangsaan digubal susulan sesi libat urus dengan pelbagai pihak yang berkepentingan (*stakeholders*) yang terdiri daripada pihak kerajaan, swasta, ahli akademik, pertubuhan bukan kerajaan dan badan profesional pergigian. Dasar ini penting agar penyampaian perkhidmatan kesihatan pergigian boleh dicapai oleh seluruh populasi Malaysia tanpa mengira latar belakang status ekonomi mereka. Dokumen ini turut mengupas latar belakang perkhidmatan kesihatan pergigian di Malaysia dan keperluan untuk membangunkan Dasar Kesihatan Pergigian Kebangsaan. Selain itu, dokumen ini turut menggariskan prinsip utama dan teras strategik bagi menangani lima (5) isu strategik kesihatan pergigian di Malaysia.

LATAR BELAKANG KEPENTINGAN KESIHATAN MULUT

Kesihatan mulut adalah satu keutamaan untuk kesihatan dan kesejahteraan umum. Kesihatan mulut merangkumi pelbagai aspek termasuk kebolehan untuk bercakap, senyum, deria bau, rasa, sentuhan dan menelan serta keupayaan melahirkan pelbagai emosi melalui ekspresi raut wajah dengan lebih yakin tanpa kesakitan, rasa tidak selesa dan masalah kompleks kraniofasial. Masalah mulut dan pergigian yang tidak dirawat akan seringkali menimbulkan kesakitan yang tidak dapat dilelakkan, jangkitan dan mengurangkan kualiti kehidupan serta kehilangan produktiviti seperti tidak dapat hadir ke sekolah atau menjalankan aktiviti sosial dan ekonomi. Kesihatan mulut yang baik juga adalah kritikal pada usia emas dalam memastikan keupayaan untuk mengambil makanan yang bernutrisi, pekerjaan, keyakinan diri dan interaksi sosial.

Masalah kesihatan mulut merupakan satu cabaran bagi kesihatan awam, walaupun sebahagian besar daripada masalah ini boleh dicegah.

Di peringkat global seramai



3.5 **bilion**
individu

dianggarkan menderita akibat daripada penyakit pergigian

Penyakit pergigian dengan prevalen tertinggi juga merupakan beban penyakit pergigian yang tinggi seperti karies gigi (gigi berlubang) pada gigi kekal yang menjejaskan hampir



2.3 **bilion**
individu




lebih daripada



267 **juta**
kanak-kanak

menderita karies gigi susu yang tidak dirawat

Manakala penyakit periodontal (gusi) menjejaskan hampir



796 **juta**
individu



kanser bibir dan oral kaviti pula merupakan

kanser
ke

15
di dunia

melebihi

500,000

kes



melibatkan angka kematian hampir

180,000


individu setiap tahun



Beban penyakit pergigian ini juga menunjukkan ketidaksamarataan yang signifikan dalam kalangan populasi yang berpendapatan rendah dan kurang bernasib baik dari segi sosial sama seperti penyakit tidak berjangkit yang lain. Negara-negara berpendapatan rendah dan sederhana didapati menghadapi beban penyakit mulut yang tertinggi dengan sumber pendapatan negara yang terbatas untuk pencegahan dan rawatan.

Malaysia turut menunjukkan corak beban penyakit pergigian yang sama di mana pada Tinjauan Kesihatan Mulut Kebangsaan bagi Orang Dewasa 2010 menunjukkan 94% dewasa mempunyai penyakit periodontal (tisu yang menyokong gigi) dan 88.9% mempunyai karies gigi. Analisa lanjut keperluan rawatan merumuskan 54.1% dewasa memerlukan rawatan bagi karies gigi dan 87.2% memerlukan rawatan bagi penyakit periodontal.

Tinjauan yang sama turut melaporkan hampir semua



dewasa memerlukan rawatan pergigian namun kurang daripada satu pertiga yang menggunakan perkhidmatan kesihatan pergigian dalam jangka masa setahun yang lepas

NOHSA 2010

Justeru, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah meluluskan resolusi bersejarah berkaitan kesihatan mulut dan pergigian pada 27 Mei 2021. Resolusi ini menggesa negara anggota untuk menangani faktor risiko utama penyakit mulut yang dikongsi dengan penyakit tidak berjangkit lain seperti pengambilan gula, penggunaan tembakau dan pengambilan alkohol yang berbahaya serta peningkatan kapasiti profesional pergigian. Resolusi WHO juga menyarankan peralihan dari pendekatan kuratif tradisional ke pendekatan pencegahan yang meliputi promosi kesihatan mulut dalam keluarga, sekolah dan tempat kerja, termasuk perawatan diberikan pada waktu yang tepat serta sistem perawatan kesihatan primer yang komprehensif dan inklusif. Kesihatan mulut harus diintegrasikan dengan kukuh dalam agenda penyakit tidak berjangkit dan intervensi perawatan kesihatan mulut juga harus dimasukkan dalam program Liputan Perlindungan Kesihatan Sejahtera [*Universal Health Coverage (UHC)*].


Malaysia turut memberikan komitmen dalam Mesyuarat Lembaga Eksekutif Pertubuhan Kesihatan Sedunia Sesi Ke-150 pada 24 hingga 29 Januari 2022 untuk menyokong draf Strategi Global Kesihatan Mulut. Strategi ini memaklumkan pembangunan pelan tindakan global mengenai kesihatan mulut, termasuk rangka kerja untuk mengesan kemajuan dengan sasaran boleh diukur yang jelas untuk dicapai menjelang 2030. Resolusi mengenai kesihatan mulut dan draf strategi global yang terhasil adalah ke arah Liputan Perlindungan Kesihatan Sejahtera, kesihatan mulut untuk semua individu dan komuniti menjelang 2030 dengan mengukuhkan pencegahan penyakit mulut dan mengurangkan ketidaksamaan kesihatan mulut. Selain itu, resolusi turut menekankan integrasi kesihatan mulut dalam kesihatan primer dan mengoptimalkan teknologi digital.

KENYATAAN DASAR KESIHATAN PERGIGIAN KEBANGSAAN

Dasar Kesihatan Pergigian Kebangsaan komited untuk meningkatkan kesihatan mulut ke arah kualiti kehidupan rakyat Malaysia yang lebih baik dengan pendekatan inisiatif dan strategi yang melibatkan kolaborasi aktif di antara pelbagai agensi sektor awam dan swasta dalam mempromosikan kesihatan pergigian. Ini merangkumi inisiatif berbentuk pencegahan dan rawatan klinikal serta rehabilitasi kepada kumpulan sasaran utama yang dikenalpasti termasuk populasi terpinggir. Pelaksanaan inisiatif termasuk pembangunan dan penjagaan sistem kesihatan pergigian yang saksama, mampu, efisien, teknologi bersesuaian, beradaptasi dengan persekitaran, berpaksikan pelanggan dan inovatif.

Terdapat enam (6) bidang keutamaan di bawah dasar ini:

i



SISTEM PENJAGAAN KESIHATAN PERGIGIAN

Memastikan peruntukan penyampaian perkhidmatan kesihatan pergigian yang komprehensif serta boleh dicapai, diterima, tersedia, mampu milik dan bersesuaian termasuk aktiviti promosi, pencegahan, rawatan dan rehabilitasi.

ii



KOLABORASI DAN KERJASAMA

Mempergiatkan kolaborasi dan kerjasama antara agensi yang berkaitan di sektor awam, swasta dan pertubuhan bukan kerajaan dalam penyampaian perkhidmatan kesihatan pergigian kepada penduduk.

iii



PEMERKASAAN MASYARAKAT

Menggalakkan penglibatan komuniti dalam perancangan, pengurusan dan penilaian aktiviti berbentuk komuniti dan sekaligus memperkasakan komuniti.

iv



PIAWAIAN DAN PEMANTAUAN

Memastikan piawaian dalam penyampaian perkhidmatan pergigian dengan jaminan kualiti dan program audit bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat yang selamat dan berkualiti tinggi.

v



PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

Menggalakkan penyelidikan berkaitan isu kesihatan pergigian sebagai bukti saintifik dalam penjagaan dan pengurusan pesakit serta membantu dalam perancangan dan pemantauan program.

vi



TRANSFORMASI DIGITAL DAN INOVASI

Memperkuhkan dan meluaskan transformasi digital dan inovasi bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan dan membantu dalam pewujudan rekod kesihatan seumur hidup pesakit.



PRINSIP UTAMA

Dasar Kesihatan Pergigian Kebangsaan mengiktiraf bahawa penyampaian perkhidmatan kesihatan pergigian boleh dicapai oleh seluruh populasi Malaysia tanpa mengira latar belakang status ekonomi mereka. Selain itu, terdapat hubung kait yang rapat antara kesihatan umum dan kesihatan pergigian memandangkan keduanya adalah dipengaruhi oleh faktor yang sama. Oleh yang demikian, Dasar ini turut mencadangkan agar wujudnya integrasi untuk melibatkan strategi promosi kesihatan pergigian dalam semua aktiviti yang dijalankan oleh sektor lain melalui slogan “Kesihatan Pergigian Dalam Semua Dasar”. Selain itu, pendekatan dasar ini turut menggunakan konsep seluruh kerajaan dan masyarakat (*Whole of Government, Whole of Society*) di mana tanggungjawab pemeliharaan kesihatan mulut adalah tanggungjawab bersama.

Dasar ini dibangunkan merujuk kepada tiga (3) prinsip utama seperti berikut:



PRINSIP 1:

Mempromosikan Liputan Perlindungan Kesihatan Sejagat (*Universal Health Coverage*)

Kenaikan kos penjagaan kesihatan pergigian dan kekangan peruntukan memerlukan sumber sedia ada yang terhad dibelanjakan dan diagihkan kepada mereka yang paling memerlukan. Oleh yang demikian, **kesihatan pergigian perlu mempunyai ciri mampu dimiliki, boleh dicapai dan diterima serta mampu mengendalikan pelbagai lapisan masyarakat dengan moto ‘tidak akan ada yang ditinggalkan’**. Ini juga selari dengan tujuan liputan perlindungan kesihatan sejagat yang mensasarkan setiap lapisan masyarakat dapat menggunakan sistem kesihatan pergigian yang mereka perlukan meliputi perkhidmatan promosi, pencegahan, kuratif, rehabilitasi dan paliatif yang berkualiti dan berkesan tanpa mereka perlu mengeluarkan kos yang membebankan.



PRINSIP 2:

Mengintegrasikan Kesihatan Pergigian dengan Kesihatan Umum

Kesihatan pergigian senantiasa dilihat sebagai satu entiti berasingan dari kesihatan umum walaupun hampir 3.5 bilion orang di seluruh dunia mempunyai penyakit pergigian. Penyakit pergigian berkongsi faktor risiko yang sama dengan penyakit tidak berjangkit yang lain seperti pengambilan pemakanan atau diet yang tidak sihat, pengambilan gula yang berlebihan, amalan merokok dan pengambilan alkohol. Tambahan pula, penyakit pergigian berkait rapat dengan beberapa penyakit tidak berjangkit yang lain seperti diabetes, penyakit jantung, penyakit pernafasan seperti radang paru - paru dan kanser usus dan pankreas. Fraterniti pergigian tidak mampu menangani isu ini secara sendirian. **Oleh yang demikian, kesihatan pergigian tidak boleh lagi dibiarkan secara berasingan daripada arus perdana sistem penjagaan kesihatan sedia ada, kesihatan pergigian perlu diintegrasikan terutamanya dalam perkhidmatan kesihatan primer**. Ini adalah juga selari dengan usaha global dalam liputan perlindungan kesihatan sejagat yang turut membuka peluang dan ruang bagi integrasi ini.



PRINSIP 3:

Mempertingkatkan Keselamatan dan Kualiti Kesihatan Pergigian

Pertubuhan Kesihatan Sedunia mendefinisikan keselamatan pesakit sebagai langkah untuk mengelak dan mengurangkan risiko, kesilapan dan kemudaratan yang mungkin berlaku kepada pesakit semasa penyampaian perkhidmatan. Keselamatan pesakit juga adalah penting untuk meningkatkan kecekapan sistem penjagaan kesihatan serta dapat mengurangkan kos yang mungkin timbul dalam mengendalikan pesakit. Peruntukan perkhidmatan yang selamat dan berkualiti akan turut membantu dalam meyakinkan dan memulihkan kepercayaan rakyat dalam sistem penjagaan kesihatan negara. Penggunaan perkhidmatan amalan pergigian haram atau 'doktor gigi tidak bertauliah' dalam kalangan rakyat perlu dihentikan memandangkan perkhidmatan ini membuka risiko pesakit kepada perkhidmatan yang tidak selamat dan tidak berkualiti serta risiko jangkitan kuman dan penyakit lain. **Oleh itu, penyampaian perkhidmatan kesihatan pergigian perlu dipastikan sentiasa selamat dan berkualiti tinggi.**



ISU STRATEGIK PENJAGAAN KESIHATAN PERGIGIAN DI MALAYSIA

Dasar Kesihatan Pergigian Kebangsaan digarap untuk menangani lima (5) isu strategik penjagaan kesihatan pergigian di Malaysia.

Beban Penyakit Pergigian yang Masih Tinggi

Secara umumnya status kesihatan pergigian penduduk Malaysia telah menunjukkan pola peningkatan status kesihatan mulut yang baik terutamanya status bebas karies gigi dalam kalangan murid sekolah. Pola peningkatan ini menunjukkan peningkatan yang agak perlahan untuk satu (1) dekad yang lepas walaupun usaha - usaha berterusan telah dilaksanakan termasuk menawarkan perkhidmatan kesihatan pergigian yang komprehensif seperti perkhidmatan kesihatan pergigian primer, kesihatan awam dan perkhidmatan pakar. Tinjauan kebangsaan dalam kalangan populasi dewasa pada tahun 2010 melaporkan hanya 21.7% individu warga emas berumur 60 tahun mempunyai minimum 20 batang gigi jika dibandingkan status pada tahun 2000 iaitu 21.5%.



21.7%
populasi Malaysia umur
60 tahun dan ke atas
mempunyai minimum
20 batang gigi




NOHSA 2010


Manakala bagi kanak - kanak berumur 5 tahun, prevalens karies menunjukkan penurunan daripada 87.1% pada tahun 1995 kepada 76.2% pada tahun 2000 dan 71.3% pada tahun 2015. Kanak - kanak berumur 12 tahun juga melaporkan pola penurunan daripada 60.9% pada tahun 1997 kepada 41.5% pada tahun 2007 kepada 33.3% pada tahun 2017. Populasi dewasa pula menunjukkan pola penurunan kecil daripada 94.6% pada tahun 1990 kepada 90.3% pada tahun 2000 kepada 84.8% pada tahun 2010. Beban karies mengikut negeri menunjukkan prevalens karies dalam kalangan dewasa tertinggi di negeri Sabah dengan 94.8%, diikuti dengan Sarawak 91.3% dan Semenanjung dengan 88.0%.




PREVALENS KARIES KANAK-KANAK 5 TAHUN(%)



NOHPS




PREVALENS KARIES KANAK-KANAK 12 TAHUN(%)



NOHSS



PREVALENS KARIES DEWASA [15 TAHUN DAN KEATAS (%)]



NOHSA


Merujuk kepada status kesihatan periodontal, prevalens gusi berdarah adalah tinggi dengan 99.6% pada penemuan kajian kebangsaan tahun 2017 (NOHSS 2017) dalam kalangan kanak – kanak berumur 12 tahun. Manakala kajian NOHSA 2010 menunjukkan prevalens penyakit periodontal yang juga tinggi, 93.9% dalam kalangan populasi dewasa berumur 15 tahun ke atas yang mempunyai gigi. Peratusan tertinggi adalah di negeri Sabah 97.0% diikuti Semenanjung dengan 94.7% dan Sarawak dengan peratusan terendah 84.0%. Hampir separuh daripada populasi dewasa di Malaysia dikenal pasti mempunyai poket periodontal yang disebabkan oleh jangkitan kuman pada struktur gusi dan gigi.



99.6%

**Prevalens gusi berdarah
dalam kalangan 12 tahun**

NOHSS 2017



93.9%

**Prevalens penyakit periodontal
dalam kalangan dewasa
(umur 15 tahun dan ke atas)**

NOHSA 2010

Selain itu, meskipun kejadian kanser mulut di Malaysia tidak setinggi kanser lain seperti kanser payudara dan paru-paru, namun kanser mulut sering dilaporkan dalam masyarakat India, merupakan salah satu antara sepuluh kanser yang sering dihidapi. Kanser mulut adalah kanser keenam tertinggi dalam kalangan wanita India dan kelapan tertinggi dalam kalangan lelaki India dan paling kerap dijumpai dalam kalangan penduduk Bumiputera di Sabah dan Sarawak berikutan faktor risiko daripada amalan rutin harian. Amalan berisiko tinggi ini termasuklah tabiat merokok, mengunyah sيره dengan atau tanpa kapur atau pinang dan pengambilan alkohol. Meskipun kanser mulut mudah untuk dikesan, hampir 63.0% pesakit hadir pada tahap yang teruk (kategori III dan IV) di mana pesakit akan berakhir dengan rawatan kompleks dan seterusnya memberikan prognosis dan kualiti kehidupan yang sangat kompromi.

Penggunaan dan Kebolehcapaian Perkhidmatan Kesihatan Pergigian yang Perlu Dipertingkatkan


Penyampaian perkhidmatan kesihatan pergigian di Malaysia ditawarkan oleh sektor awam dan swasta, walau bagaimanapun peneraju utama penyampaian perkhidmatan adalah Program Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi pada tahun 2019 melaporkan hampir keseluruhan rakyat Malaysia (79.5%) menggunakan perkhidmatan awam jika dibandingkan dengan perkhidmatan swasta. Ini berikutan kos perkhidmatan yang murah dengan subsidi kerajaan yang tinggi.

Secara amnya, penyampaian perkhidmatan kesihatan pergigian ditawarkan dalam rangkaian fasiliti perkhidmatan kesihatan pergigian di seluruh negara. Perkhidmatan kesihatan pergigian primer di sektor awam menawarkan perkhidmatan yang komprehensif melalui perkhidmatan pesakit luar dan perkhidmatan khusus kepada kumpulan sasaran meliputi kanak - kanak kecil (*toddler*), kanak - kanak pra-sekolah, murid sekolah, kanak - kanak istimewa, remaja, dewasa, ibu mengandung dan warga emas. Perkhidmatan ini merangkumi aktiviti berbentuk promosi, rawatan pencegahan dan rawatan kuratif.

Perkhidmatan kesihatan pergigian kepakaran pula menawarkan perkhidmatan rawatan yang lebih kompleks secara janji temu dan rujukan daripada perkhidmatan primer. Bayaran caj rawatan yang rendah dan bersubsidi tinggi menyebabkan fasiliti perkhidmatan pergigian awam dibanjiri dengan pesakit yang menyebabkan kesesakan dan waktu menunggu rawatan yang lama. Oleh yang demikian sesetengah daripada rakyat Malaysia memilih untuk mendapatkan rawatan di fasiliti perkhidmatan kesihatan pergigian swasta. Perkhidmatan pergigian swasta berfungsi secara sinergi dan komplementari kepada perkhidmatan kesihatan pergigian awam serta memenuhi kehendak rakyat Malaysia yang bersedia untuk membayar perkhidmatan dan memilih untuk rawatan yang lebih berbentuk peribadi dengan masa yang lebih fleksibel.

Perkhidmatan kesihatan pergigian swasta mempunyai kelebihan dalam menawarkan perkhidmatan yang boleh memberi sentuhan peribadi dengan konsep satu pengamal pergigian bagi setiap keluarga dan memberi ruang untuk kesinambungan penjagaan kesihatan pergigian yang berterusan. Walau bagaimanapun, sistem penjagaan kesihatan secara dikotomi ini menyebabkan kurangnya integrasi di antara perkhidmatan awam dan swasta. Kemungkinan untuk mengagihkan pesakit daripada perkhidmatan awam ke swasta adalah hampir mustahil memandangkan tiada persetujuan dalam mekanisme pembayaran perolehan perkhidmatan sebegini.


Pola penggunaan perkhidmatan kesihatan pergigian telah menunjukkan penurunan pada 23.7% pada tahun 2019 jika dibandingkan dengan 27.8% pada tahun 2015, namun sedikit kenaikan jika dibandingkan dengan 22.4% pada tahun 2011.



Kumpulan terbanyak yang menggunakan perkhidmatan adalah dalam kalangan umur 10 hingga 14 tahun dengan peratusan 69.8% daripada keseluruhan jumlah pengunjung fasiliti perkhidmatan kesihatan pergigian. Kumpulan ini adalah merupakan kumpulan sasaran KKM dalam Program Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Inkremental Sekolah. Manakala bagi kumpulan umur yang paling sedikit menggunakan perkhidmatan adalah daripada kumpulan umur 0 hingga 4 tahun pada 10.1% dan kumpulan umur 20 tahun dan ke atas dengan peratusan kurang daripada 20.0%.

Majoriti memaklumkan sebab utama untuk tidak mendapatkan perkhidmatan kesihatan pergigian adalah merasakan mereka sihat dan tidak memerlukan pemeriksaan serta rawatan. Penemuan ini adalah berkait rapat dengan kesedaran yang rendah dalam keperluan pemeriksaan kesihatan dengan hanya 40.7% dalam kalangan rakyat Malaysia mempunyai literasi kesihatan pada tahap mencukupi dan hanya 34.0% melaporkan amat mudah membuat keputusan untuk pergi mendapatkan pemeriksaan doktor. Bagi pemeriksaan pergigian pula, kajian pada tahun 2010 menunjukkan 98.3% populasi dewasa didapati memerlukan rawatan pergigian, namun hanya satu (1) dalam empat (4) orang yang mengunjungi fasiliti perkhidmatan pergigian dalam masa 12 bulan yang lepas. Manakala kajian pada tahun 2019 melaporkan 70.8% populasi dewasa beranggapan mereka tidak perlu ke fasiliti perkhidmatan kesihatan pergigian kerana beranggapan mereka tidak sakit dan tidak memerlukan rawatan pergigian.

Hanya
1 dalam 4
individu yang melawat fasiliti
perkhidmatan kesihatan pergigian
dalam 12 bulan yang lepas



Beban Kewangan Penjagaan Kesihatan Pergigian

Malaysia mempunyai dua peringkat sistem penjagaan kesihatan iaitu sektor awam yang diterajui oleh Kerajaan dan dibiayai menggunakan dana awam dan sektor swasta yang sedang berkembang maju. Keadaan ini mewujudkan dua sistem yang berbeza namun saling membantu dalam memberikan perkhidmatan dan rawatan yang berkualiti kepada rakyat. Penjagaan kesihatan pergigian di sektor awam adalah secara amnya di bawah subsidi kerajaan manakala sektor swasta adalah secara bayaran untuk perkhidmatan. Ketika ini, skim pembayaran pihak ketiga adalah amat terhad dan masih tiada lagi skim insuran kesihatan kebangsaan.

Peruntukan operasi kewangan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tidak mencerminkan beban kewangan sebenar bagi penjagaan kesihatan awam, contohnya KKM hanya menerima sekitar 10.0% daripada keseluruhan peruntukan negara pada tahun 2019 dan Program Kesihatan Pergigian menerima peruntukan kewangan bagi perbelanjaan sekitar 2.0 - 3.0% dari jumlah keseluruhan peruntukan KKM. Perbelanjaan penjagaan kesihatan negara adalah pada 2.58% daripada pendapatan kasar dalam negara (*Gross Domestic Product - GDP*), jika dibandingkan dengan negara lain yang mempunyai tahap pembangunan yang sama dengan Malaysia yang telah memperuntukkan sekurang-kurangnya pada 4.0% daripada GDP negara mereka. Manakala Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mencadangkan peruntukan sekitar 7.0%. Sumber pembiayaan di sektor awam kekal lebih tinggi daripada swasta dengan peruntukan sebanyak RM 33.7 bilion atau 52.5%. Ini menyebabkan beban kewangan yang tinggi pada sistem penjagaan kesihatan awam memandangkan 79.5% rakyat Malaysia menggunakan perkhidmatan kesihatan pergigian awam.



4 dalam 5

individu yang menggunakan
perkhidmatan kesihatan pergigian
awam

Dapatan kajian pada 2019 juga melaporkan hampir 33.1% yang menggunakan fasiliti perkhidmatan kesihatan pergigian awam adalah dalam kalangan T20 walaupun mereka mampu untuk menggunakan perkhidmatan kesihatan pergigian swasta. Penggunaan perkhidmatan kesihatan pergigian swasta pula menunjukkan daripada jumlah keseluruhan penggunaan sebanyak 35.8% adalah pengguna dalam kalangan B40 dan 41.7% dalam kalangan M40. Dapatan ini merumuskan bahawa terdapat kumpulan berpendapatan rendah yang menggunakan perkhidmatan sektor swasta walaupun mereka terpaksa membayar perkhidmatan tersebut. Manakala perbelanjaan menggunakan kewangan sendiri (*out-of-pocket*) bagi sektor kesihatan pada tahun 2019 hampir kepada RM 21,019 juta di mana RM 937 juta (4%) daripadanya adalah penggunaan perkhidmatan kesihatan pergigian swasta. Buat masa ini, majoriti skim bayaran pihak ketiga atau insuran perubatan tidak termasuk kos rawatan pergigian pesakit luar. Manakala skim insuran sedia ada yang meliputi rawatan pergigian adalah tidak menarik kerana menetapkan had bayaran yang tidak menguntungkan pesakit. Buat masa ini, Skim Peka B40 dan MySalam yang ditawarkan oleh kerajaan juga tidak meliputi pemeriksaan dan rawatan pergigian dalam pakej sedia ada.

Agihan dan Kemahiran Sumber Manusia yang Perlu Dipertingkatkan

Sistem kesihatan yang baik juga bergantung kepada tenaga kerja yang mencukupi, dilatih bertepatan dengan keperluan dan ditempatkan secara sama rata. Ciri - ciri ini sekaligus menyumbang kepada perkhidmatan yang berkualiti, berkesan, efisien, boleh diakses dan lestari. Perancangan tenaga kerja yang berkesan juga akan memastikan keperluan dan tuntutan rakyat dipenuhi. Sumber manusia bagi penjagaan kesihatan pergigian Malaysia adalah terdiri daripada pengamal pergigian, juruterapi pergigian dan auksiliari pergigian seperti juruteknologi pergigian dan pembantu pembedahan pergigian yang bekerja bersama dan saling melengkapi dalam memastikan penyampaian perkhidmatan yang sistematik dan berkualiti. Berdasarkan kepada bilangan pengamal pergigian pada tahun 2020, nisbah satu (1) pengamal pergigian adalah kepada 2,816 penduduk sepertimana nisbah di negara berpendapatan sederhana tinggi seperti New Zealand pada 1:2,500, Singapura pada 1:3,300 dan United Kingdom pada 1:2,500. Di Malaysia terdapat sebanyak 13 fakulti pergigian yang melatih dan menawarkan ijazah pergigian bagi memenuhi keperluan negara pada tahun 2025 dan satu (1) pusat latihan yang menawarkan pengajian kepada auksiliari pergigian.

Meskipun pengeluaran pengamal pergigian telah meningkat secara mendadak beberapa tahun yang lepas, masalah penempatan yang tidak sekata masih berterusan. Perbezaan yang ketara didapati dalam nisbah pengamal pergigian dan penduduk di beberapa negeri di Malaysia, di mana kebanyakan pengamal pergigian adalah di Semenanjung Malaysia, manakala nisbah pengamal pergigian kepada penduduk yang terendah telah direkodkan di negeri Sabah diikuti dengan Sarawak. Masalah pengagihan yang tidak sekata di antara negeri ini perlu ditangani agar isu akses kepada perkhidmatan dapat diatasi dan jurang perbezaan di antara negeri dapat dikurangkan. Ini memerlukan perancangan yang efektif dalam penganggaran sumber manusia agar dapat memperuntukkan sumber yang optimum.

Ketidakseimbangan penempatan pengamal pergigian yang lebih besar di antara kawasan bandar dan luar bandar, terutamanya atas ketiadaan dasar pengezonan dalam penubuhan klinik pergigian swasta baharu menyebabkan akses kepada perkhidmatan kesihatan pergigian lebih tertumpu di kawasan bandar. Di samping itu, terdapat juga keperluan untuk mengoptimumkan kemahiran sumber manusia sedia ada yang lebih pelbagai (*skill-mix*). Ini bagi memenuhi keperluan unjuran peningkatan populasi warga emas dengan pengekal gigi kekal. Malaysia menjangkakan peningkatan populasi berumur 65 tahun ke atas sebanyak 14.5% daripada keseluruhan populasi menjelang tahun 2040. Peningkatan ini akan memberi cabaran baharu dalam penyampaian perkhidmatan kesihatan dengan perubahan corak penyakit terutamanya penyakit-penyakit tidak berjangkit yang kronik seperti penyakit kardiovaskular, penyakit pernafasan kronik, kanser dan diabetes.

Jurang dalam Pelaburan Teknologi Pergigian

Fasiliti perkhidmatan kesihatan di Malaysia masih menyimpan maklumat dan rekod pesakit dalam bentuk salinan cetak yang amat memerlukan ruang penyimpanan yang besar dan sentiasa perlu ditambah, terdedah kepada risiko mudah rosak, sukar untuk disusun, sukar untuk dikumpulkan bagi tujuan analisa data dan maklumat kesihatan yang tidak dapat disatukan di antara fasiliti yang berbeza. Bagi fasiliti yang telah mempunyai kemudahan rekod pesakit secara digital pula, ketiadaan integrasi di antara fasiliti menyukarkan perkongsian data. Oleh yang demikian, pewujudan rekod kesihatan elektronik dan jaringan ekosistem kesihatan digital akan membolehkan klinik dan hospital di Malaysia untuk mencapai maklumat perkhidmatan dan sistem pesakit yang lebih lancar serta meningkatkan kecekapan perkhidmatan kesihatan daripada segi pengurusan pesakit yang lebih holistik. Buat masa ini, hampir 90% fasiliti kesihatan KKM masih menggunakan kaedah penyimpanan rekod pesakit secara manual dengan peratusan yang sedikit mengguna pakai penyimpanan rekod secara sistem digital atau elektronik.

Sistem rekod perubatan elektronik sedia ada di fasiliti kesihatan mempunyai kekangan dalam jaringan dengan penyedia sistem-sistem yang berbeza dan ini menyebabkan kesukaran perkongsian maklumat atau rekod pesakit. Inter-operasi di antara sistem rekod perubatan elektronik yang berbeza amat diperlukan bagi jangka masa panjang yang juga selari dengan hasrat KKM untuk membangunkan satu sistem penjagaan kesihatan yang bersepadu yang melibatkan sektor awam dan juga swasta. Selain itu, secara khususnya terdapat kekangan dalam pelaksanaan Sistem Maklumat Kesihatan Pergigian seperti kekurangan infrastruktur untuk menyokong pelaksanaan, tenaga kerja yang mahir dalam operasi, peruntukan dalam pembangunan sistem dan tiada integrasi antara sistem sedia ada dalam KKM. Tambahan pula, sasaran pelaksanaan rekod perubatan elektronik adalah untuk menggalakkan lebih ramai pengamal perubatan dan pergigian mengguna pakai sistem bagi membolehkan analisis data pesakit boleh dibuat dan secara tidak langsung meningkatkan kualiti pengurusan pesakit secara lebih sistematik dan berkualiti.

Di samping itu, dengan peningkatan jangkaan pesakit dan kepenggunaan, revolusi industri 4.0, inovasi bahan pergigian dan teknologi kesihatan pergigian digital, terdapat jurang yang ketara dalam pelaburan teknologi. Akses kepada bahan dan teknologi pergigian yang mampu milik juga terhad berikutan kekangan kewangan yang seterusnya memberi kesan kepada penyampaian perkhidmatan kesihatan yang lebih baik dan cekap. Malaysia telah turut memberikan komitmen dalam Konvensyen Minamata Merkuri untuk mengurangkan penggunaan amalgam di fasiliti pergigian KKM secara berperingkat pada tahun 2025 dan menghentikan penggunaan pada tahun 2030. Bagi memastikan komitmen ini tercapai, bahan pergigian alternatif kepada amalgam dan pengesanan awal karies gigi menggunakan teknologi yang sesuai bagi intervensi awal perlu diterokai.

Pandemik COVID-19 juga telah memberi impak yang besar dalam penyampaian perkhidmatan kesihatan pergigian berikutan risiko penularan jangkitan COVID-19 semasa menjalankan rawatan yang melibatkan aerosol seperti tampalan dan penskaleran. Norma baharu dalam penyampaian perkhidmatan kesihatan pergigian menyebabkan masa konsultasi dan rawatan pesakit secara bersemuka adalah terhad. Ini mengukuhkan lagi keperluan untuk mempertimbangkan peralihan peruntukan untuk diberi tumpuan kepada pelaburan teknologi digital seperti perkhidmatan pergigian secara maya. Ini juga termasuk penggunaan teknologi dan inovasi yang mampu meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan. KKM perlu memainkan peranan sebagai *technological advocator* namun dengan tanggungjawab pelaksanaan yang dikongsi bersama dengan sektor swasta.





PELAKSANAAN

Pelaksanaan dasar adalah melalui pelaksanaan secara integrasi dalam pelbagai dasar dan agenda kesihatan kebangsaan Kementerian Kesihatan Malaysia serta agensi dan kementerian lain yang berkaitan. Perancangan pelaksanaan yang lebih strategik adalah melalui Pelan Strategik Kesihatan Pergigian Kebangsaan yang akan dirangka bagi tempoh setiap sepuluh (10) tahun.

Pelan Strategik Kesihatan Pergigian Kebangsaan

Dokumen ini dibangunkan bersama dengan perbincangan dan persetujuan semua pihak yang berkepentingan dalam kesihatan pergigian untuk memastikan komitmen yang berterusan dari agensi yang berkaitan dalam menjayakan agenda kebangsaan ini. Strategi dan tindakan yang digariskan dalam Pelan Strategik Kesihatan Pergigian Kebangsaan ini mengguna pakai penglibatan aktif dengan semua fraterniti pergigian untuk bersama – sama bekerja keras melalui penyelarasan dan perkongsian dalam meningkatkan keberhasilan kesihatan pergigian rakyat Malaysia.



Kerangka pelaksanaan Dasar Kesihatan Pergigian Kebangsaan adalah berteraskan enam (6) bidang keutamaan dan sembilan (9) teras strategik

BIDANG KEUTAMAAN DAN TERAS STRATEGIK PELAN KESIHATAN PERGIGIAN KEBANGSAAN

Bidang Keutamaan	Teras Strategik
 Sistem Penjagaan Kesihatan Pergigian	✓ Merangka semula sistem penyampaian penjagaan kesihatan pergigian memberi fokus kepada kumpulan terpinggir ✓ Meningkatkan kebolehcapaian, kemampuan dan kesesuaian perkhidmatan penjagaan kesihatan pergigian terutamanya di kawasan luar bandar dan terpinggir
 Kolaborasi dan Kerjasama	✓ Meningkatkan Aktiviti Pencegahan dan Kawalan Penyakit Tidak Berjangkit (NCD) dengan penglibatan aktif agensi selain KKM ✓ Memperkuuhkan kerjasama antara agensi dalaman dan pihak swasta dalam meningkatkan capaian dan akses perkhidmatan
 Pemeriksaan Masyarakat	✓ Meningkatkan promosi, kesedaran dan penglibatan aktif untuk pemeriksaan masyarakat dan seterusnya perubahan tingkahlaku amalan kesihatan mulut yang baik ✓ Mewujudkan persekitaran sihat yang mampu mengubah tingkahlaku amalan kesihatan mulut yang baik dengan penglibatan aktif agensi selain KKM
 Piawaian dan Pemantauan	✓ Memperkuuhkan penyampaian perkhidmatan kesihatan pergigian yang selamat dan berkualiti agar keselamatan rakyat tidak dikompromi
 Penyelidikan dan Pembangunan	✓ Mempergiatkan pengawasan dan penyelidikan ke atas magnitud penyakit pergigian dan pelaksanaan inisiatif bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti dan efisien
 Transformasi Digital dan Inovasi	✓ Memanfaatkan teknologi kesihatan bagi mewujudkan sistem rekod yang holistik dan penyampaian perkhidmatan yang berteknologi tinggi




Pemantauan dan Penilaian


Dasar ini akan dikaji semula setiap sepuluh (10) tahun manakala pemantauan pencapaian tahunan aktiviti akan dipantau secara berterusan melalui Pelan Strategik Kesihatan Pergigian Kebangsaan di bawah Jawatankuasa Eksekutif yang terdiri daripada pelbagai wakil agensi dan kementerian. Impak pelaksanaan dasar dan kemajuan pelaksanaan pelan strategik ini dicadang untuk diukur melalui beberapa indikator keberhasilan berkaitan dengan peningkatan status kesihatan mulut dan pengurangan kadar kematian pra-matang yang disebabkan oleh kanser mulut dalam kalangan rakyat Malaysia.




RUJUKAN

- 01** World Health Organization. Factsheet 355, Non-communicable Diseases. Updated June 2017
- 02** Executive Board EB148/8 148th Session 23 December 2020 Provisional Agenda Item 6. Accessed online https://apps.who.int/gb/ebwha/pdf_files/EB148/B148_8-en.pdf
- 03** World Health Organization. World Health Assembly Resolution: Proposed Resolution on Oral Health 21 January 2021. Accessed online: https://apps.who.int/gb/ebwha/pdf_files/EB148/B148_R1-en.pdf
- 04** Global Regional and National Levels and Trends in Burden of Oral Condition from 1999 to 2017: A Systematic Analysis for the Global Burden of Disease 2017 Study (Journal of Dental Research 2020 Vol. 99(4) 362-372
- 05** National Oral Health Survey of Adults (NOHSA) 1990, 2000, 2010
- 06** World Health Organization (WHO). Patient Safety. Accessed online <https://www.euro.who.int/en/health-topics/Health-systems/patient-safety>
- 07** National Oral Health Survey of Preschool Children (NOHPS) 1995, 2005, 2015
- 08** National Oral Health Survey for School Children (NOHSS) 2007, 2017
